

▼25/05/19-48MST

CNS7139

U GB 25-05 00173 BH961

bah

Mahathir - UMNO

TERPULANG KEPADA ANWAR: UNTUK BERTANDING, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terpulanglah kepada Naib Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memutuskan sama ada beliau hendak bertanding atau tidak bagi jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan parti itu November ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Anwar baru-baru ini bahawa beliau tetap dengan keputusan awalnya tidak berhasrat mencabar Encik Ghafar Baba untuk jawatan itu.

Bagaimanapun, Anwar juga dilaporkan sebagai berkata bahawa beliau akan tunduk kepada keputusan dan kebijaksanaan parti.

"Saya nak cabar berhempas pulas lawan Encik Ghafar, saya tidak mahu. Ini saya nak jelaskan. Saya berkhidmat kepada parti, saya akan tunduk kepada keputusan dan kebijaksanaan parti," kata Anwar dalam satu perjumpaan dengan anggota dan pemimpin UMNO Kedah di Alor Setar Jumaat lepas.

Dr Mahathir berkata: "Itu hak dia nak membuat pendirian...kalau tak bertanding, dia tak bertanding, dia suka nak bertanding, dia bertandinglah."

-- Lagi

▼25/05/20-15MST

CNS/141

U GB 25-05 00138 BH962

bah

Mahathir - UMNO 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Berikutan dengan kenyataan Menteri Kewangan itu, seorang lagi Naib Presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi meminta anggota-anggota parti supaya jangan memaksa Anwar bertanding jawatan Timbalan Presiden.

Abdullah mahukan supaya anggota UMNO terus memberi laluan kepada Ghafar untuk mengekalkan jawatan Timbalan Presiden.

Ghafar, bagaimanapun, setakat ini belum menyatakan sama ada beliau bercadang mempertahankan jawatan Timbalan Presiden yang beliau menangi setelah menewaskan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pada pemilihan tahun 1987.

Ditanya sama ada kenyataan dua orang Naib Presiden ini menunjukkan satu +perbahasan+ telah wujud dalam UMNO, Mahathir berkata: "Tidak ada perbahasan. Barangkali Datuk Abdullah nak bagi nasihat kepada ahli UMNO. Terpulang pada ahli UMNO sama ada nak dengar nasihat itu atau tidak," kata beliau. -- Bernama

ES MIB

▼25/05/20-16MST